

21 AUG 1996

UMNO-Wang

UMNO PERLIS TERIMA LAPORAN ANGGOTA GUNA WANG

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- UMNO Perlis telah menerima laporan mengenai tujuh anggota parti itu yang didakwa berkempen menggunakan wang untuk dipilih sebagai perwakilan ke perhimpunan agung parti Oktober ini, kata Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata, laporan itu diterima daripada dua bahagian yang mendakwa berlakunya perbuatan itu semasa mesyuarat perwakilannya baru-baru ini.

"Saya masih menunggu laporan daripada satu lagi bahagian sekiranya ada sebelum menghantarkannya kepada pengerusi jawatankuasa disiplin parti tidak lama lagi untuk tindakan lanjut," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan kepada mangsa ribut di Tambun Tulang dekat sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO melahirkan rasa kesalnya kerana masih ada kalangan pemimpin dan anggota yang bertanding pada perhimpunan agung parti menjalankan kempen dan menggunakan wang untuk memancing undi.

Majlis Tertinggi UMNO telah mengharamkan sebarang bentuk bagi pemilihan itu.

Shahidan yang juga Ketua Penerangan UMNO negeri, berkata anggota terbabit dikatakan memberi wang kepada anggota-anggota yang menghadiri mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing supaya memilih mereka ke perhimpunan agung parti.

Beliau juga mendakwa ada anggota parti yang berkempen untuk merebut kerusi Majlis Tertinggi dengan melanggar peraturan itu dan membuat kempen secara terbuka seperti menganjurkan majlis-majlis ceramah kepada perwakilan.

Terdahulu semasa berucap pada majlis berkenaan Shahidan berkata lebih ramai anggota masyarakat seharusnya membayar zakat mereka melalui agensi pemungut zakat kerajaan supaya wang berkenaan dapat diagihkan kepada golongan yang layak mendapatnya secara adil.

Beliau juga meminta jawatankuasa kariah masjid supaya turut mengeluarkan bantuan daripada tabung masjid kepada anak-anak kariah yang ditimpa malang akibat bencana seperti ribut. -- BERNAMA

IQ NMO